



KENYATAAN MEDIA PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

9 LAGI KAWASAN LAPANG DIWARTAKAN, 552 LOT KINI DILINDUNGI DI KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR — Jabatan Wilayah Persekutuan dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan terus mempergiat usaha melindungi ruang hijau awam menerusi pewartaan sembilan lagi kawasan lapang di sekitar Kuala Lumpur.

Pewartaan baharu ini melibatkan keluasan keseluruhan **5.15 hektar atau 51,502 meter persegi**. Dengan pertambahan tersebut, sebanyak **552 lot** kawasan lapang kini telah diwartakan, melibatkan keluasan keseluruhan **468.36 hektar atau 4,683,611 meter persegi**. Keluasan ini bersamaan kira-kira **655 padang bola sepak atau hampir 1.4 kali ganda keluasan Taman Botani Perdana**.

Pewartaan bukan sekadar proses pentadbiran. Langkah ini memperkukuh perlindungan terhadap kawasan lapang supaya **terus kekal sebagai ruang awam untuk aktiviti rekreasi, riadah dan kegunaan komuniti**, selain mengurangkan risiko kawasan tersebut terdedah kepada penukaran guna tanah pada masa hadapan.

Setiap kawasan yang diwartakan bermaksud lebih banyak ruang untuk kanak-kanak bermain, keluarga beriadah, warga emas bersenam dan komuniti menikmati persekitaran bandar yang lebih hijau, sihat dan selesa.

SENARAI SEMBILAN KAWASAN LAPANG BAHARU YANG DIWARTAKAN

1. Lot 82448, Mukim Batu, berhampiran Kolam Desa ParkCity (6,607 meter persegi atau 1.632 ekar)

2. Lot 82443, Mukim Batu, berhampiran Kolam Desa ParkCity (22,000 meter persegi atau 5.436 ekar)
3. Lot 202030, Mukim Setapak, berhampiran Bayu Sentul Condominium (13,882 meter persegi atau 3.430 ekar)
4. Lot 38500, Mukim Petaling, berhampiran Residensi Jalil Mas (529 meter persegi atau 0.130 ekar)
5. Lot 25119, Mukim Setapak, berhampiran Masjid Salahuddin Al-Ayubbi, Taman Melati (1,456 meter persegi atau 0.359 ekar)
6. Lot 39399, Mukim Petaling, berhampiran Condominium East Bukit Jalil (1,658 meter persegi atau 0.409 ekar)
7. Lot 39397, Mukim Petaling, berhampiran Condominium East Bukit Jalil (185 meter persegi atau 0.045 ekar)
8. Lot 56219, Mukim Batu, berhampiran United Point Mall (3,679 meter persegi)
9. Lot 482950, Mukim Kuala Lumpur, berhampiran Padang TURF Tasik Permaisuri (1,505 meter persegi atau 0.371 ekar)

AKSES MAKLUMAT MELALUI PORTAL MYHIJAU

Orang ramai boleh menyemak maklumat dan senarai kawasan yang telah diwartakan melalui portal MyHijau di laman sesawang rasmi Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan. Akses terbuka ini membolehkan warga Kuala Lumpur turut menjadi mata dan telinga kerajaan dalam memantau serta mempertahankan kawasan hijau di bandar raya ini.

Pewartaan sembilan kawasan baharu ini membuktikan komitmen berterusan Kerajaan MADANI untuk memastikan pembangunan Kuala Lumpur dilaksanakan secara seimbang, tanpa mengorbankan ruang rekreasi awam, kesejahteraan komuniti dan daya tahan iklim bandar.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN